

15/4/2017 (setara) Mukasurat : 42 (TIMUR)

Kuantan

Promosi gaya hidup sihat



DR Daing (enam dari kiri) bersama pasukan UMP yang menyertai 1st International UMP Eco Ride 2017.

Universiti Malaysia Pahang (UMP) akan menganjurkan 1st International UMP Eco Ride 2017, Ahad ini, bagi mempromosikan kempen gaya hidup sihat dalam kalangan masyarakat di negara ini, sekali gus mempromosikan Tahun Melawat Pahang (TMP) 2017.

Laluan berbasikal itu membabitkan beberapa kampung di sekitar daerah ini dan Pekan, antaranya melalui Sungai Soi, Cherok Paloh, Lamir, Ganchong, Jalan Kuantan-Muadzam Shah dan berpatah balik melalui Kampung Maulana dan Kampung Marhum menuju ke UMP Pekan.

Sehingga kini, lebih 500 peserta sudah mengesahkan pembabitan dengan dua kategori iaitu kayuhan sejauh 30 kilometer (km) dan pertandingan kayuhan berbasikal sejauh 120km sekitar Pekan.

Naib Canselor UMP Prof Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim berkata, acara itu pasti memberikan pengalaman buat peserta yang akan berkayuh sambil menikmati keindahan alam, selain menguji ketahanan fizikal mereka.

Katanya, bertemakan alam sekitar, program itu boleh dijadikan tarikan untuk pengunjung luar datang ke Malaysia, sekali gus mempromosikan pelancongan sukan di negara ini.

"Program ini

“Program ini sebahagian daripada usaha meningkatkan kesejahteraan warga kampus dan mendokong slogan UMP terhadap memasyarakatkan teknologi dengan membabitkan masyarakat setempat sekitar kampus UMP”

Dr Daing Nasir Ibrahim

sebahagian daripada usaha dalam meningkatkan kesejahteraan warga kampus dan mendokong slogan UMP terhadap memasyarakatkan teknologi dengan membabitkan masyarakat setempat sekitar kampus UMP.

“Usaha ini seiring usaha melestarikan kampus dengan aktiviti yang menyokong kepada inisiatif penghijauan,” katanya.

Sementara itu, Timbalan Pengurus Eco Ride 2017 Prof Madya Dr Hamzah Ahmad berkata, acara berkenaan dibahagikan kepada dua kategori Eco Ride (120km) dan Eco Fun Ride (30km) mengikut peringkat usia, selain tahap kesihatan bersesuaian untuk golongan profesional, amatur dan penunggang basikal secara santai.

“Lebih menarik semua peserta berpeluang memenangi cabutan bertuah seperti basikal, televisyen, pakej penginapan, barang basikal dan hamper,” katanya.